

BAB DUA

PEMIKIRAN, FALSAFAH DAN PERKEMBANGANNYA

Pengenalan.

Tidak ada budaya fikir yang tidak mengalami perubahan sama ada akibat daripada proses dalaman atau dipengaruhi dari luar. Budaya fikir Melayu tidak terkecuali daripada mengalami perubahan-perubahan dari awal perkembangannya hinggalah ke hari ini.

Kamus Dewan, (1994: 351) menyatakan perkataan 'pemikiran' berasal dari kata akar 'fikir' bermaksud akal, ingatan atau angan-angan. Pemikiran itu pula bermaksud perihal berfikir (memikir) dengan menggunakan akal.

Sebagaimana yang diketahui, istilah 'Falsafah' pula jika dilihat daripada **Kamus Dewan**, (1994: 348) bermaksud pengetahuan tentang pengertian yang dianggap sebagai ilmu yang tertinggi yang menjadi dasar-dasar ilmu-ilmu lain.

Istilah falsafah yang masuk ke dalam tradisi keilmuan tempatan banyak disangkakan pada peringkat awalnya datang daripada bahasa Arab. Meskipun ada tanda-tanda ia dibawa oleh kesan kehadiran Islam, tetapi ia sebenarnya berasal dari Eropah. Sebelum kedatangan Islam, orang Arab sendiri tidak mempunyai falsafah, walaupun mereka mempunyai hikmah dan *hukuma* yang bererti bijaksana dan ahli bijak pandai. Ia

merupakan satu bentuk ilmu pengetahuan yang diciptakan oleh orang Yunani dahulu kala. (Mana Sikana, 1996: 3)

2.1 Falsafah dan Perkembangannya.

Salah seorang ahli falsafah Islam yang terkenal iaitu Al-Farabi telah mendefinisikan perkataan falsafah. Menurut beliau, istilah falsafah diambil daripada perkataan 'Philosophia' yang kemudiannya diperjelaskan sebagai 'Philo' yang bermaksud pencinta dan 'Sophia' yang bermaksud bijaksana. Jadi, jika dilihat daripada apa yang telah diperjelaskan di atas, falsafah ini telahpun diertikan oleh Al-Farabi sebagai 'pencinta bijaksana'. Hal ini telah dibicarakan oleh Dr. Oemar Amin Hoesin di dalam bukunya *Filasafat Islam*. (Mana Sikana, 1996:3)

Di dalam buku 'Sistematika Filsafat' karangan Sidi Gazalba, perkataan 'philosophia' bererti 'cinta kepada pengetahuan bijaksana'. Pengetahuan dan kebijaksanaan adalah merupakan anak kunci kepada pembuka segala rahsia kebenaran, dan mencari kebenaran adalah tanggungjawab serta merupakan suatu karektor yang harus dimiliki oleh semua ahli falsafah. Dengan itu, falsafah dapat juga ditakrifkan sebagai sistem kebenaran tentang sesuatu perkara. (Mana Sikana, 1996:4)

Di dalam perkembangan falsafah ini, ia telah melahirkan beberapa takrifan tentang pengetahuan dalam bidang-bidangnya. Setelah melihat beberapa pembahagian ilmu falsafah maka ia menjelaskan kepada kita bahawa bidang pengkajian ilmu falsafah amat

mendalam untuk diselidiki dan difahami. Tetapi apa yang penting dalam mengkaji ilmu falsafah ini mencari kebenaran adalah satu karektor yang harus ada pada setiap ahli falsafah dan kebenaran itu haruslah bersifat umum (universal). (Mana Sikana, 1996: 4)

Ramai ahli falsafah seperti Dr. Oemar Amin Hoesin, Prof. Abdul Jalil Hussan dan Prof. Mahmud Muhammad Al-Hudzari telah menulis berkaitan bidang-bidang falsafah ini. Secara keseluruhannya, pembahagian ilmu falsafah yang dihuraikan oleh tokoh-tokoh ini, menjelaskan kepada kita bahawa bidang pengkajian ilmu falsafah amat luas, tetapi apa yang penting antaranya ia mengandungi bidang ilmu psikologi, kosmologi, metafizik, mantik, teologi, estetik dan etika. (Mana Sikana, 1996: 6)

Berfalsafah merupakan satu kesenian berfikir, dan bukanlah sesuatu yang mudah untuk menjadi seseorang pemikir. Ia memerlukan bakat dan latihan yang mendalam. Semua orang adalah pemikir tetapi yang membezakan antara mereka adalah sejauh mana atau sedalam mana pemikiran mereka terhadap sesuatu perkara itu. Tahap pemikiran seseorang dibezakan dengan melihat sejauh atau sedalam mana mereka memikirkan sesuatu perkara. Misalnya bila melihat bumbung rumah Melayu tradisi, kenapa ia berbentuk curam. Adakah kerana faktor kecantikan atau faktor cuaca. Bagi pemikir mereka akan mencari jawapannya.

Mungkin ada orang yang rajin berfikir tetapi kurang renungan dan mendalam. Tetapi sejak manusia dilahirkan dan mula mengenal identiti dirinya, manusia itu

sebenarnya tidak pernah berhenti dari berfikir dan secara tidak langsung dalam kehidupan manusia tidak dapat tidak terpaksa berfikir.

Di dalam Islam, antara suruhan yang terpenting kepada umatnya adalah berfikir. Banyak ayat yang terdapat dalam Al-Quran yang bertujuan merangsang dan menyuruh umatnya berfikir. “Apakah kamu tidak berfikir?”, “Apakah kamu tidak mengerti?”, “ di dalamnya ada tanda-tanda bagi mereka yang mengerti” dan sebagainya. (Manja Mohd Ludin dan Ahmad Suhaimi, 1995:37). Disini menjelaskan kepada semua bahawa berfikir itu adalah sesuatu yang dituntut oleh Allah S.W.T.

Di atas kepentingan itu, pengkaji ingin melihat falsafah dalam pemikiran masyarakat Melayu terutamanya yang berkaitan dengan penghasilan seni. Siapakah yang dikatakan Melayu itu? Melayu dilihat dalam dua dimensi utama iaitu yang berdasarkan rumpun bahasa bangsa, dan kawasan wilayah yang merangkumi Kampuchea, Myanmar, Pattani, Semenanjung Tanah Melayu, Sabah atau Sarawak, Sulawesi, Maluku, Sulu, Mindanao dan beberapa kepulauan, iaitu rumpun Melayu terangkum dalam kelompok Austronesia dan Nusantara. (Zeus A. Salazar, 1993:32)

Menurut Winstedt pula (1958:66), Orang Melayu dikenali dengan kulit sawo matang, berdahi luas, bermata cantik, badan yang kemas dan seimbang, rambut hitam dan hampir tidak berbulu di dagu. (Amran Kasimin, 1993:22)

Apabila pengkaji telah mengenal pasti masyarakat Melayu itu, barulah pengkaji boleh membicarakan tentangnya. Jadi, di sini, apa yang ingin dilihat ialah, apakah rahsia yang cuba diperkatakan dan termaktub di sebalik pemikiran dan falsafah orang Melayu.

Masyarakat Melayu kaya dengan pemikiran dan falsafahnya kerana mereka merasakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk sentiasa menyumbangkan sesuatu yang bermanfaat dan berpesan-pesan antara satu sama lain. Ini bermakna untuk menghasilkan sesuatu bentuk pemikiran atau falsafah, ia memerlukan ilmu pengetahuan yang tinggi dan melalui pemikiran yang mendalam dan berlandaskan hukum dan peraturan tertentu, mereka cuba menyampaikan mesej terhadap sesuatu perkara melalui karya seni mereka. Ini secara tidak langsung mempamerkan pegangan, sikap dan budi bicara bangsa Melayu itu sendiri.

Dalam iklim pembaharuan dan dunia terbuka, kehadiran pengaruh luar dalam mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu tidak dapat dielakkan. Sedar atau tidak sebenarnya pengaruh ini akan meresap dengan sendirinya. Oleh itu, apabila pengkaji melihat dan membandingkan falsafah pemikiran masyarakat hari ini dan masa lampau, sudah tentu ia mempunyai perbezaan tertentu.

Tetapi di sini, bukanlah perbezaan itu sahaja yang hendak pengkaji bincangkan tetapi apa yang lebih penting adalah membicarakan tentang pemikiran dan falsafah itu sendiri serta kesannya kepada masyarakat Melayu. Sesuatu yang perlu diketahui oleh semua

bahawa setiap yang difikirkan itu sebenarnya mengandungi ajaran-ajaran murni dan nilai konstruktif.

Dalam erti kata yang mudah, berbicara tentang pemikiran dan falsafah ini adalah satu proses melihat di sebalik sesuatu perkara itu, yakni apa yang tersembunyi atau tersirat di sebaliknya. Selain itu, apa juga bentuk yang cuba dilahirkan sebenarnya mempunyai sebab dan akibat, misalnya orang Melayu merasakan perlunya ada perasaan hormat terhadap tuan rumah, maka dirasakan perlulah pintu rumah itu dibina lebih rendah dari ketinggian manusia normal. Ini secara langsung, membuatkan tetamu yang datang ke rumah tersebut akan tunduk sebagai tanda hormat sebelum memasuki rumah itu.

Jika dilihat kepada pengertian di atas, pengkaji dapat menyatakan bahawa ia adalah falsafah atau rahsia di sebalik pemikiran yang ada pada masyarakat Melayu hingga melahirkan kesenian yang bersifat sedemikian.

Pengkaji akan cuba memahami dan merenung pengertian yang ada di sebalik pemikiran orang Melayu yang dijemakan melalui hasil seni mereka terutamanya dalam seni ukiran kayu. Pengertian yang cuba dicari bukan sahaja melihat kepada ukiran Melayu tradisi tetapi juga ukiran-ukiran yang dihasilkan pada hari ini sebagai perbandingan.

2.2 Perkembangan Seni Ukiran Kayu.

Pada keseluruhannya, seni ukir dapat kita kesan dari pelbagai bentuk penghasilan, misalnya ukiran batu, logam, gading dan kayu tetapi bagi tujuan pengkajian ini, pengkaji hanya melihat kepada seni ukiran kayu. Sebagaimana yang diketahui, seni ukiran kayu adalah seni kerajinan tangan dan ia telah lama wujud dalam masyarakat Melayu dan diwarisi dari satu generasi ke satu generasi yang lain.

Seperti juga seni-seni yang lain, seni ukiran kayu tidak dapat ditentukan dari mana asalnya, siapa yang memulakan dan bila ia diciptakan. Tetapi secara keseluruhannya, seni ini dapat dikesan di tiga buah negeri yang utama di bahagian pantai timur Semenanjung iaitu di Kelantan Darul Naim, Terengganu Darul Iman dan Pahang Darul Makmur.

Corak dan ukiran di ketiga-tiga negeri ini ada menampakkan sedikit perbezaannya. Perbezaan-perbezaan itu dikatakan berpunca dari faktor alam sekitar dan dari ilham pengukir itu sendiri. Seni ukiran ini sendiri banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor yang berkait rapat dengan persekitaran contohnya iklim, alam semulajadi, topografi, kepercayaan dan agama yang dianuti.

Selain itu, faktor luaran juga sedikit sebanyak mempengaruhi seni ukiran kayu ini. Misalnya, ukiran kayu Terengganu, Pahang dan Kelantan dikatakan mirip kepada kebudayaan Siam. Walaupun begitu, ada sesetengah sarjana berpendapat ukiran kayu ini adalah pengaruh dari Jawa. Tetapi ada juga yang mengatakan bahawa ukiran Jawa ini sebenarnya datang dari Tanah Melayu itu sendiri. Di sini, menjelaskan bahawa proses mencari asal-usul sebenar seni ukiran kayu masih lagi berterusan.

Sejarah bermulanya seni ukiran kayu ini dikatakan berpunca dari pengisian masa lapang. Orang Melayu pada masa dahulu mempunyai masa lapang yang banyak terutama selepas mereka mengerjakan sawah, berladang, menangkap ikan dan sebagainya. Disebabkan kerja-kerja ini tidak dapat dilakukan sepanjang tahun, maka masa yang terluang itu telah diisikan dengan perkara-perkara yang bermanfaat. Misalnya, sementara menunggu berakhirnya musim tengkujuh, para nelayan yang tidak dapat turun ke laut akan menjalankan kegiatan seperti mengukir kayu.

Pada masa lapang yang agak panjang ini, mereka akan mengukir bukan sahaja pada peralatan-peralatan harian tetapi juga tempat kediaman atau rumah mereka. Namun begitu, dipercayai pada peringkat awal ukiran yang dihasilkan adalah bersifat sederhana sahaja dan dari masa ke semasa ukiran itu telah diperbaiki lagi.

Kegiatan yang bermula atas dasar mengisi masa lapang ini atau pun boleh juga dijadikan satu hobi, akhirnya berubah menjadi satu kegiatan yang mendatangkan

pendapatan kepada pengukir. Walaupun pendapatannya tidak seberapa tetapi ia sudah membuktikan bahawa ukiran ini telah diterima oleh masyarakat.

Seni ukir merupakan satu hasil ciptaan yang sangat tinggi nilainya. Walau bagaimanapun, kesan daripada pengaruh-pengaruh luar dan pembangunan masa kini telah banyak mengecewakan para peneliti dan pencinta hasil seni ukiran kayu. Ini kerana tidak ramai lagi yang berminat untuk membuat atau memiliki hasilan kayu ini.

Dipercayai terdapat banyak faktor yang menjadi penyebab kepada kesan tersebut, antaranya pengukir itu sendiri tidak mewariskan bakat mereka kepada generasi mereka, pendapatan yang tidak menguntungkan dan ini telah menyebabkan kurangnya minat pengukir untuk mengembangkan seni ukir ini dan juga terdapat kurangnya permintaan daripada orang ramai.

Tambahan pula, dengan teknologi yang ada pada masa kini, masyarakat tidak lagi berminat kepada perusahaan yang dianggap kekampungan dan tidak menguntungkan. Sedikit sebanyak ia mempengaruhi kemerosotan dan kurangnya minat terhadap seni ukiran kayu ini.

2.3 Pengertian Ukiran Kayu.

Menurut **Kamus Dewan** (1994:1510) 'ukir' diertikan sebagai lukisan yang dibuat dengan dengan memahat (menggores, menoreh dll) pada barang-barang tertentu, manakala ukiran pula ialah sesuatu yang telah diukir. Beberapa orang pengkaji Barat pula menyamaertikan pengertian seni ukiran ini dengan seni pahat (seni patung) tetapi ada juga pengkaji yang tidak mempersetujui pendapat ini.

Ukiran sebenarnya adalah satu hasil yang terbentuk kesan dari kerja mengukir dengan menggunakan alat tertentu seperti pisau, pahat atau benda-benda yang tajam pada sesuatu permukaan lalu menghasilkan suatu lukisan atau gambaran sama ada ia berbentuk cengkung, cembung atau tenggelam dan timbul. Ini bererti, ukiran kayu ialah kerja mengukir yang dilakukan ke atas permukaan kayu. Sebagai sesuatu seni, ukiran itu dibezakan berdasarkan bahan yang digunakan sama ada kayu, logam, kulit gading, batu dan sebagainya.

Seperti yang dinyatakan oleh Mohammad Affandi Yahya (1995:102) seni ukir adalah sebahagian daripada hasil kraftangan yang wujud seiring dengan reka bentuk seni rupa. Ini juga menjelaskan bahawa seni ukiran bukanlah diciptakan kepada barangan gunaan harian sahaja tetapi sebenarnya melalui seni ukiran ini turut dinyatakan nilai-nilai, falsafah dan pegangan tertentu sekelompok masyarakat.

2.4 Animisme dan Pengaruhnya.

Dalam mengkaji dan melihat sesuatu perubahan masyarakat pengkaji tidak harus lupa melihatnya daripada aspek amalan dan kepercayaan mereka. Kajian tentang perubahan ini selalunya bermula dengan kepercayaan animisme dan dari situlah pengkaji boleh melihat kisah-kisah mitos yang berdasarkan kepercayaan mereka. Di dunia ini hampir kesemua bangsa mempunyai cerita mitos yang tersendiri dan orang Melayu adalah tidak terkecuali.

Membicarakan tentang animisme dan pengaruhnya, pengkaji juga tidak boleh lari dari melihatnya pada sudut pandangan kosmologi orang Melayu. Dari sinilah kita dapat melihat perlambangan orang Melayu terhadap kewujudan matahari, bulan, bintang dan sebagainya.

Pada masa ini kecenderungan dalam menghasilkan seni sama ada seni rupa atau seni persembahan kepentingan permaknaan lebih kepada upacara-upacara ritual keagamaan di mana ia dijadikan sebagai perlambangan dalam memberi penghormatan kepada nenek moyang atau kuasa-kuasa ghaib yang dipercayai menguasai kehidupan mereka.

Kepercayaan animisme bukan sahaja terhadap semangat yang terdapat pada benda-benda tersebut tetapi juga terhadap kekuasaan serta kesan yang boleh didapati daripadanya apabila mematuhi atau melanggar sesuatu yang dipegang.

Animisme ini sangat mempercayai kuasa alam semulajadi dan kuasa yang tidak dapat ditanggapi oleh deria manusia.

Walaupun masyarakat Melayu sudah mempunyai agama yang dianuti tetapi masih ada amalan dari fahaman animisme ini yang tidak dapat dilupakan. Kebanyakan amalan ini walaupun jelas dilarang tetapi kerana Islam turut memperkatakan adanya alam ghaib yang tidak boleh dilihat oleh mata manusia membuatkan mereka secara tidak langsung masih mempercayai perkara-perkara ghaib ini yang kadangkala membuatkan mereka secara tidak sedar telah terpesong dari landasan Islam.

Antara contoh yang boleh kita ketemui seperti mempercayai keramat dan pantang larang yang perlu diikuti sebelum memulakan sesuatu upacara itu misalnya membuat rumah, menebang kayu, masuk ke hutan dan pelbagai lagi pantang larang.¹

2.5 Teori Hindu Buddha

Semenjak 2000 tahun yang lalu, perhubungan antara negara China dan India telah dibentuk melalui perdagangan. Perhubungan ini terjalin melalui padang pasir dan gunung-ganang yang merentangi Asia Tengah dan melalui laut Selat Melaka. Kekecohan dan halangan daripada golongan nomad telah menyebabkan

¹ Untuk memahami dengan lebih mendalam lagi tentang simbolisme dan pantang larang ini sila rujuk *Simbolisme Dalam Seni Bina Rumah Melayu Kelantan* karya Mohd Affandi Yahya.

penggunaan jalan laut menjadi lebih popular berbanding jalan darat. Jalan darat ini seterusnya dikatakan kurang digunakan apabila jumlah kapal dagangan dari negara China dan India semakin meningkat, terutamanya setelah penemuan angin monsun. (Amran Kasimin, 1993: 22)

Kedudukan Semenanjung Tanah Melayu dari segi geografi menjadikannya pusat persinggahan antara dua monsun timur laut dan barat daya. Pedagang-pedagang dari Pantai Koromandel di selatan India dan dari China belayar ke Semenanjung Tanah Melayu semasa satu monsun dan pulang pada satu monsun yang lain. Dari sinilah dikatakan bermulanya penyebaran fahaman agama pedagang-pedagang sementara menunggu pertukaran musim. (Amran Kasimin, 1993:171)

Beberapa buah negeri di Semenanjung Tanah Melayu menjadi sebahagian daripada zon kebudayaan India pada lima abad pertama era Kristian. Ini bermula apabila pedagang India membuat keputusan untuk menetap di kawasan yang sesuai untuk menjalankan perdagangan mereka dan berkahwin dengan wanita tempatan.

Kerajaan Hindu yang pertama pada abad keempat ialah Langkasuka dan Kedah. Selain menjadi tempat persinggahan yang pertama pelayaran kapal-kapal perdagangan India di sepanjang pantai barat, Kedah juga mempunyai gunung tertinggi (Gunung Jerai) yang boleh dilihat sejauh 30 batu dari laut. Ini menarik

perhatian orang India untuk dijadikan kawasan beribadat yang mana ia merujuk kepada kepercayaan mereka terhadap Gunung Meru.(Amran Kasimin, 1993:125)

Pengaruh Buddha yang awal di utara Semenanjung Tanah Melayu dibuktikan dengan penemuan inskripsi Theravada dan Mahayana dalam bahasa Sanskrit bertarikh dari abad keempat. Daripada pengkajian yang dilakukan oleh Quaritch Wales di beberapa buah kawasan di Kedah menunjukkan bahawa Buddha mempunyai pengaruh lebih besar daripada Hindu. (Amran Kasimin, 1993:125)

2.6 Pengaruh India di Alam Melayu

Ketamadunan Semenanjung Tanah Melayu memperlihatkan proses perubahan yang melanda. Aktiviti perdagangan yang dijalankan telah membawa kepada orang Melayu menganut agama Hindu dan Buddha. Seorang pengkaji iaitu, Winstedt ada mengatakan bahawa,

Tanpa tokoh tambah boleh dikatakan bahawa bangsa Melayu sehingga abad ke 19 berhutang kesemuanya kepada India : agama, sistem politik, ilmu astrologi zaman pertengahan dan perubatan, kesusasteraan, kesenian dan pertukangan.
(Amran Kasimin, 1993:131)

Walaupun kenyataan ini agak keterlaluan dan tidak tepat kerana ia seolah-olah menggambarkan orang Melayu tidak mempunyai apa-apa kebudayaan dan mungkin sesuai hanya merujuk kepada orang Melayu pada awal abad ke-14 atau lebih awal daripadanya tetapi sedikit sebanyak ini menjelaskan bahawa terdapat pengaruh Hindu dalam kebudayaan Melayu.

Sesuatu yang tidak dapat dinafikan, pengaruh India terhadap kesenian Melayu begitu besar sekali. Sama ada ia dibawa secara langsung dari India atau Jawa, ia sedikit sebanyak mempengaruhi perkembangan kesenian Melayu itu sendiri. Tarian-tarian seperti ronggeng ataupun persembahan boria adalah antara yang dibawa masuk dari India. Begitu juga dengan persembahan wayang kulit yang banyak mengambil pengaruh dari cerita-cerita dari kitab Mahabrata dan Ramayana.

Selain mempengaruhi seni persembahan Melayu, pengaruh Hindu Buddha juga dapat dilihat pada hasil seni rupa Melayu yang lain. Ini dapat kita kesan kepada reka bentuk, fungsi penggunaan dan juga pada motif atau corak yang terhasil.

2.7 Teori Kedatangan Islam.

Ada beberapa teori tentang kedatangan Islam ke Alam Melayu. Ada yang menyatakan Islam datang secara langsung dari negara Arab, India dan China. Ahli sejarah Arab seperti Al-Tabari berpendapat orang Arab telah berada di Timur Jauh semenjak tahun Hijrah yang pertama atau abad ke tujuh Masihi. Mereka datang melalui jalan laut bermula dari Pantai Jeddah menerusi Laut Merah terus ke Aden, Selatan Semenanjung Arab, kemudian ke Gujerat (India) dan seterusnya ke Gugusan Kepulauan Melayu. Manakala yang mengikut jalan darat bermula dari Syria atau Iraq ke Khurasan, utara Parsi ke Afgahanistan kemudian ke negara China dan akhirnya ke Kepulauan Melayu. (Mahayuddin Haji Yahya, 1998:6)

I-Tsing seorang pengembara China menyatakan bahawa beliau belayar dalam sebuah kapal kepunyaan saudagar Arab dari Canton ke Sumatera dalam tahun 671 M. Menurut rekod China, pada tahun 650 M terdapat sebuah negara di Sumatera Utara iaitu Ta Shi yang telah mengadakan hubungan diplomatik dengan kerajaan China. Ta Shi bermaksud orang Islam. (Mustafa Mohd Isa, 1999:5)

Antara catatan-catatan sejarah yang menunjukkan tarikh perkembangan Islam pada zaman permulaan ialah penemuan satu batu nisan yang diukir dengan tulisan Arab milik seorang wanita Islam yang bernama Fatimah Binti Maimun Bin Haibatullah, bertarikh 1082 M atau 1102 M yang ditemui di Leran, Gerisik, Jawa. (Othman Mohd Yatim, 1995:16-17)

Kedatangan Islam juga telah merubah pemikiran masyarakat Melayu secara keseluruhannya. Ini dapat dilihat terutamanya dalam hal yang melibatkan aspek ketuhanan dan keesaan Allah S.W.T. Islam juga telah membawa bersama peraturan atau kehendak dan larangan dalam hidup penganutnya. Hukuman dosa dan pahala, halal dan haram telah mempengaruhi kehidupan orang Melayu dan mereka telah berusaha untuk memenuhi tuntutan agama tersebut.

Islam juga telah merubah paksi kehidupan masyarakat Melayu yang telah melalui sejarah ribuan tahun itu, kepada zaman baru yang mendukung ciri-ciri rasionalisme, intelektualisme, keadilan dan kemuliaan peribadi insan serta meninggalkan unsur-unsur jahiliah. Dapatlah dikatakan bahawa kedatangan Islam telah memberi nafas baru dengan merubah seluruh struktur pandangan hidup orang Melayu dimulai dengan aspek akidah hinggalah aspek akhlah. (Aziz Deraman, 1978:76)

Oleh itu, dalam melakukan peraturan tersebut, maka dilakukan beberapa perubahan terutamanya dalam cara hidup mereka. Dengan ini juga, perubahan pada pemikiran mereka telah dibawa ke dalam perusahaan penghasilan seni seperti yang dapat kita saksikan pada hari ini.

2.8 Pengertian Keindahan.

Secara umumnya, manusia sukakan sesuatu yang indah sama ada keindahan terhadap alam atau pun keindahan seni. Keindahan alam adalah diperolehi dari keharmonian yang menakjubkan daripada hukum-hukum alam yang diciptakan oleh Pencipta yang satu iaitu Allah S.W.T. Manakala keindahan seni ialah keindahan buatan atau hasil ciptaan manusia sendiri.

Terdapat beberapa pengertian keindahan yang dikemukakan oleh para sarjana, misalnya, Imam Al-Ghazali yang telah mengatakan bahawa, keindahan sesuatu benda terletak di dalam kewujudan dari kesempurnaan yang dapat dikenali dan sesuai dengan sifat benda itu. Ini menjelaskan bahawa, yang disimpulkan oleh Imam Al-Ghazali, keindahan itu adalah merujuk kepada kesempurnaan.

Menurut Al-Ghazali lagi, keindahan adalah nikmat yang tersendiri yang dihayati kerananya dan bukan kerana tujuan lain. Keindahan tiap-tiap satu benda itu terletak pada kesempurnaannya yang disedari melalui sifatnya. Pada beliau, keindahan bentuk luaran dapat dilihat oleh mata kasar dan dapat dialami oleh kanak-kanak dan haiwan, tetapi keindahan dalaman hanya dapat diamati oleh mata hati dan cahaya penglihatan batin oleh manusia yang dewasa dan matang. (Syed Ahmad Jamal, 1995:2014)

Dalam **Kamus Dewan** (1994:488) pula mendefinisikan 'keindahan' itu sebagai kecantikan, keelokkan atau perihal yang menerangkan sesuatu yang indah dan

perkataan indah itu sendiri adalah merujuk kepada sifat-sifat cantik, benar, bagus dan molek.

Dalam manusia menilai keindahan itu, ia perlu dilakukan atau direnung pada dua bahagian yang berbeza. Pertamanya ialah menilai keindahan secara objektif iaitu, keindahan yang jelas, nyata serta boleh dibuktikan oleh semua orang. Contohnya, melihat keindahan alam semulajadi seperti di waktu terbenam dan terbitnya matahari.

Keindahan yang kedua pula hendaklah dinilai secara subjektif iaitu keindahan yang memberi makna serta tafsiran yang dilihat dari pelbagai sudut oleh manusia. Penilai keindahan secara subjektif ini akan memberi makna dan cita rasa yang berbeza terhadap sesuatu perkara itu. Sesuatu yang dianggap indah oleh seseorang itu tidak semestinya akan boleh diterima sebagai sesuatu yang indah oleh orang lain. Sesungguhnya keindahan secara subjektif ini amatlah sukar untuk dipersetujui bersama kerana ia bersifat tidak jelas, abstrak dan kabur.

Contohnya di sini, melihat sebuah lukisan pemandangan yang berharga ribuan ringgit berkemungkinan sesetengah penilai itu merasakan bahawa harga yang dikenakan itu tidak bersesuaian iaitu terlalu mahal tetapi dalam masa yang sama mungkin ada penilai yang berani meletakkan harga yang tinggi kerana mempunyai tanggapan yang berbeza terhadap karya tersebut.

Persepsi dan pemahaman terhadap hasil-hasil karya seperti ini sebenarnya memerlukan pemikiran yang tajam dan mendalam bagi mencapai tingkat maknanya. Penilaian secara mendalam ini sebenarnya memerlukan mereka memikirkan sesuatu perkara itu berdasarkan hukum-hukum alam, logika dan pengalaman peribadi sesuatu kelompok masyarakat itu.

Dalam konteks falsafah Barat, Plato mengemukakan teori keindahannya melalui karya dialognya berjudul *Symposium*. Dalam karyanya beliau merumuskan bahawa objek cinta adalah keindahan. Proses mencintai keindahan ini diasaskan sejak peringkat kanak-kanak lagi. Pada peringkat awal kanak-kanak akan dibawa kepada mengenal keindahan bersifat jasmaniah dan semakin ia membesar ia akan dibawa kepada mengenal keindahan rohaniah. (Hamidah Abdul Hamid, 1995 : 3)

Seorang ahli falsafah Itali bernama Croce secara ringkasnya menyatakan bahawa keindahan ialah pernyataan (*expression*). Keindahan bukanlah sifat atau sebarang sifat yang wujud pada benda seperti lukisan, lagu, dan ukiran. Akan tetapi Croce menganggap keindahan sebagai sifat yang wujud pada pengalaman orang yang menyatakan benda-benda itu indah. (Hamidah Abdul Hamid, 1995 : 23)

2.9 Keindahan Pada Pandangan Masyarakat Melayu.

Dalam masyarakat Melayu, keindahan itu dilihat dalam tiga perkara, iaitu dari aspek **kehalusan**, **kesesuaian** dan **keaslian**. (Ku Zam Zam Ku Idris, 1984: 40-

43). Apabila kita memahami ketiga elemen ini dapatlah kita mengenal keistimewaan kesenian bangsa Melayu.

Setiap karya seni mempunyai bentuk yang tersendiri yang berlainan antara satu sama lain dan sekali gus membezakan antara sebuah karya dengan sebuah karya yang lain. Seni rupa itu adalah sesuatu proses aktiviti fikiran dan perasaan yang diutarakan secara suatu bentuk, rupa, corak, warna dan lain-lain elemen yang digunakan sebagai bahantara penyampaian hasrat yang terpendam.

Menurut Ku Zam Zam lagi, dalam masyarakat Melayu khususnya, ukuran sesuatu kehalusan sesuatu karya seni yang mencerminkan keindahan itu dapat diperhatikan melalui tiga aspek penting iaitu, kesempurnaan, keseimbangan dan kekemasan bentuknya. Keindahan yang dinilai melalui kehalusan terpancar pada aspek kesempurnaan, kekemasan, dan keseimbangan corak dan motif sesuatu karya itu.

Motif tumbuh-tumbuhan misalnya, adalah elemen yang memberi sifat tersendiri dalam seni rupa Melayu. Motif yang berasaskan tumbuhan digunakan sebagai satu elemen penting dalam seni rupa Melayu sama ada ia ditiru secara langsung atau bersifat abstrak. (Ku Zam Zam, 1984:43). Motif tumbuhan ini, banyak digunakan dalam seni rupa Melayu termasuklah seni ukiran kayu.

Faktor lain yang mempengaruhi keindahan dalam bidang kehalusan ialah bentuknya yang kemas dan strukturnya disusun dengan bersih, rapi serta lengkap penciptaannya. Unsur-unsur yang nyata seperti warna dan unsur-unsur yang tidak nyata seperti mesej digabungkan atau dijalinan menjadi suatu komponen yang diatur dan dipilih lalu dilahirkan dalam suatu bentuk yang konkrit.

Dalam menilai keindahan, Ku Zam Zam berpendapat orang Melayu juga melihatnya melalui kesesuaian. Dalam sesuatu karya seni, nilai kesesuaian ini akan wujud dalam bentuk motif, corak, warna dan lain-lain. Dari aspek corak, keindahan karya itu akan terpancar apabila corak atau reka bentuk yang dihasilkan itu bersesuaian dengan fungsinya serta mematuhi nilai dan norma masyarakat penciptanya.

Selain daripada nilai kehalusan dan kesesuaian, menurut Ku Zam Zam lagi masyarakat Melayu juga menilai keindahan itu pada aspek keaslian. Walaupun keaslian pada hakikatnya didefinisikan sebagai sesuatu yang tulen, sejati asli, murni, tulen, tidak bercampur dan mulia tetapi dalam penciptaan karya seni, keaslian yang dimaksudkan bukanlah bererti tidak ada pengaruh-pengaruh luar tetapi yang dipentingkan ialah keaslian idea pencipta menkonsepsikan sesuatu yang baru dari contoh yang diambil sehingga melahirkan karya yang baru dan asli.

Dalam melahirkan ciri keaslian sesuatu karya, aspek gaya dan bahan yang digunakan dapat membantu seseorang pencipta itu. Konsep gaya menonjolkan sifat atau cara dalam menghasilkan sesebuah hasil seni misalnya, dari segi motif dan corak. Keasliannya dapat dilihat apabila seorang pencipta itu mempunyai identitinya yang tersendiri.

Secara keseluruhannya, keindahan pada masyarakat Melayu, adalah sesuatu yang apabila dilihat, diteliti, difikir, didengar dan dirasa berupaya memberikan keindahan dan ketenangan di dalam diri seterusnya mendokong nilai dan norma kelompok masyarakat.

2.10 Kesenian Mengikut Pandangan Islam.

“ Allah itu Maha indah dan Dia sukakan keindahan ”.

(Hadith Muslim dalam Kitabul Iman)

Sebelum membicarakan keindahan daripada perspektif Islam, kita perlu membicarakan kedudukan kesenian dalam agama Islam itu sendiri. Ini adalah kerana persoalan mengenai keindahan adalah berkaitan dengan persoalan kesenian.

Pada pandangan Islam, kesenian itu adalah keindahan dan keindahan itu adalah seni iaitu, ia saling berkaitan. Islam hanya menerima kesenian yang indah

sahaja iaitu yang boleh mendatangkan rasa ketenangan dan keinsafan dalam diri seseorang manusia. Bentuk-bentuk seni yang diterima dalam Islam adalah yang dapat memberikan kepuasan kepada penghayatan manusia dan seterusnya dapat mewujudkan hubungan antara manusia dengan Penciptanya. (Amir A.Rahman, 1991:134)

Seseorang seniman itu pada pandangan Islam, haruslah mematuhi segala peraturan dan larangan yang telah ditetapkan. Islam juga telah mewujudkan pelbagai garis panduan sebagai landasan hidup umatnya untuk dihayati dan diikuti. Antaranya ialah mengenai hukum-hukum iaitu :

Haram iaitu perkara yang mesti ditinggalkan dan tidak dilakukan sama sekali

Wajib iaitu mesti dilakukan dan berdosa jika meninggalkannya

Harus iaitu digalakkan meninggalkannya dan diberi pahala jika meninggalkannya

Sunat iaitu baik jika dapat melakukannya dan diberi pahala jika mengamalkannya

Makruh iaitu tidak dilarang atau tidak ditegah tetapi lebih baik jika ditinggalkan.

Dalam membicarakan konsep kesenian, sebenarnya wujud dua aliran kesenian iaitu *seni untuk seni* dan *seni untuk masyarakat*. Walau bagaimanapun, Islam berpegang kepada aliran yang tersendiri iaitu, *seni kerana Allah S.W.T.* yang dilahirkan oleh rasa takwa dan kesannya bukan sekadar kepada masyarakat tetapi juga kepada diri sendiri. (Amir A.Rahman, 1991:135)

Seniman yang berpegang kepada aliran ini sebenarnya, ingin mengabdikan seluruh kehidupannya kepada Allah S.W.T dan menjadikan kegiatan seni itu sebagai salah satu dakwah atau jalan untuk memperingatkan antara satu sama lain ke arah melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran.

Islam telah menentukan bahawa perlu wujudnya perimbangan di dalam kehidupan mereka iaitu kejayaan di dunia dan di akhirat. Contohnya, seni suara seperti azan, ia bukan sekadar untuk memperingatkan bahawa telah masuk waktu untuk bersembahyang tetapi juga, melalui kemerduan suara yang disampaikan oleh bilal, ia juga boleh mewujudkan rasa keinsafan dan kesedaran dalam diri pendengarnya.

Menyedari hakikat kesenian yang sedemikian, adalah sesuatu yang tidak wajar untuk kita menghukum bahawa kesenian itu adalah sesuatu yang haram. Kesenian itu pada dasarnya hanya boleh dijatuhkan hukum haram apabila ia memutuskan hubungan dengan ibadat itu sendiri. Keindahan kesenian Islam terpancar dalam bidang-bidang yang telah diterokai oleh seniman Islam. Golongan ini telah berjaya menemui pendekatan dari perkembangan yang mendekatnya dengan cita rasa keagungan penciptaan dan kekudusan Allah S.W.T. (Ahmad Kamal Abdullah, 1990:96)

Sesungguhnya Islam itu memandang dan memberikan keutamaan dalam apa juga aspek kebudayaan. Jika selama ini Barat telah mendefinisikannya

sebagai *way of life*, Islam sudah lama mentafsirkan kebudayaan sebagai 'tamadun'. Tamadun dalam pengertian yang menyeluruh, iaitu apa-apa juga segi hidup dan kehidupan haruslah dinyatakan dengan fahaman Islam. Ia tidak hanya terbatas kepada aspek agama seperti yang difahami oleh ilmu budaya yang sesat dan berakar dari Barat. (Mana Sikana, 1996:119)

Islam sebagai agama yang lengkap dan sesuai untuk setiap zaman dan tempat bukan sahaja mementingkan keakhiratan tetapi juga kedunian. Dalam seni muzik misalnya, Islam dari segi falsafah menyatakan bahawa muzik haruslah bertujuan ke arah pembentukan peribadi yang ideal dan sebagai tali penghubung ketakwaan kepada Allah S.W.T Islam sama sekali tidak mengizinkan muzik yang melalaikan kewajipan terutamanya terhadap Tuhan.(Mana Sikana, 1996:149)

Di sini sedikit sebanyak ia menjelaskan kepada kita tentang hukum hakam seni pada kaca mata Islam. Sesungguhnya Islam hanya mengharamkan seni seandainya ia merugikan dan merosakkan jiwa, agama, kehormatan harta benda dan keturunan. Di dalam Islam seni itu bukan sahaja bersifat satu hiburan tetapi yang lebih penting adalah satu pengalihan rasa kesyukuran dan ketakwaan.

Islam bukanlah pemisah antara duniawi dan ukhrawi dan urusan peribadi dan antara urusan dalam lapangan masyarakat. Sifatnya sebagai *Ad-deen* memberi ruang lingkup yang luas di dalam pelbagai bidang terutamanya di dalam seni dan budaya yang dibenarkan oleh syariat.

Kesenian sesungguhnya tidak boleh dipisahkan dari agama di mana sifatnya yang syumul atau universal membenarkan imaginasi dan kerativiti yang sememangnya ada di dalam pemikiran umat Muhammad, malah, seni juga merupakan sebahagian daripada unit yang terkandung dalam lingkungan budaya. Sayyid Qutb pernah menjelaskan :

Islam tidak anti seni. Ia hendak meletakkan, menambahkan dan menyempurnakan aspirasi dan nilai-nilainya, guna terciptanya dan nilai-nilai baru yang berdaya mampu menambahkan rasa seni yang kreatif membentuk kesenian Islam.

(Sayyid Qutb, 1984:14)

2.11 Keindahan Dari Aspek Islam.

Dari aspek Islam keindahan meliputi akhlak, iman, matlamat keagamaan dan falsafah kehidupan manusia. Keindahan ini berkait rapat dengan unsur-unsur kesenian dan dijalinkan dengan nilai-nilai moral yang dimiliki oleh manusia itu sendiri dan diakhiri dengan matlamat untuk mendapat keredaan Allah S.W.T.

Keindahan yang dihubungkan dengan kesenian Islam, ialah nilai yang termaktub dalam ajaran Islam itu sendiri. Islam menanamkan rasa 'khusyuk' kepada Allah di samping memberikan ketenangan jiwa kepada manusia sebagai makhluk Allah.

Di sini, kajian keindahan itu boleh dilihat kepada dua aspek yang berbeza, pertamanya, keindahan dari segi metafizikal berdasarkan teori moden dan keduanya ialah berdasarkan teori psikologi iaitu berdasarkan pancaindera dan kalbu.

Menurut Drs. Sidi Ghazalba dalam bukunya '*Pandangan Islam Dalam Kesenian*' dapatlah diringkaskan bahawa keindahan adalah suatu kebenaran, kebaikan dan sesuatu yang sempurna. Keindahan adalah sesuatu yang dapat menimbulkan rasa ketenangan, kesenangan dan kepuasan dalam diri seseorang itu. (1977:10)

Kesenian adalah unsur-unsur budaya yang dapat melahirkan hal-hal yang dapat melahirkan ibadah, adat serta bahasa. Keindahan adalah sesuatu yang dinilai melalui kehalusan, bentuk dan ia terpancar dalam aspek kesempurnaan corak dan motif dari sesuatu hiasan karya seseorang itu.

Al-Ghazali pernah menegaskan bahawa karya-karya seni memberikan kesenangan. Pandangan ini hampir sama dengan apa yang diberikan oleh Herbert Read yang mengatakan seni itu adalah penjelmaan rasa estetik. Walau bagaimanapun dalam pandangan Islam, keindahan itu harus tunduk kepada kebenaran. (Hamidah Abdul Hamid, 1995: 25)

Bagi seniman pula, dalam usaha mereka mencari ilham, sebelum dan semasa berkarya, ia harus menjalani proses penyucian yang serius, intensif dan terarah bagi melengkapkan dan mengisi jiwanya agar karyanya sentiasa berada dalam landasan Islam. Manakala sebagai pengkaji atau penikmat karya seni, ia bukan sahaja sekadar memberi pandangan terhadap sesuatu karya berdasarkan keindahan pada pancaindera tetapi perlu juga melihatnya dari sudut mata hati.

Keadaan ini adalah amat berbeza dengan keindahan pada pandangan Barat (bukan Islam). Keindahan pada kesenian Barat sering mengeneipkan persoalan akhlak dan kebenaran. Contohnya, bagaimana sebuah karya yang memaparkan perempuan yang berbogel ditakrifkan mempunyai ciri-ciri keindahan.

Adakah sebagai manusia normal kita mampu mengeneipkan nafsu berahi kita dan tidakkah ia sebenarnya salah satu jalan menuju kepada penzinaan, seterusnya membawa kepada pergaduhan, pembunuhan dan pelbagai lagi masalah dan akhirnya mendapat dosa besar.

Keindahan dalam Islam juga tidak boleh lari dari membincangkannya dari aspek akhlak. Matlamat nilai keindahan yang ada dalam kesenian itu ialah memberikan ketenangan dan keselamatan. Untuk itu, walau apa sekali pun yang kita lakukan jika sekadar memberikan hiburan dan ketenangan yang bersifat sementara lantas mengeneipkan unsur-unsur keselamatan, juga harus ditinggalkan.

Misalnya menghisap dadah, ia mungkin boleh memberikan ketenangan dan membuatkan manusia itu melupakan segala masalah tetapi ketenangan yang dicari itu sebenarnya bersifat sementara. Sebenarnya dalam jangka masa panjang dari aspek keselamatan, ia sebenarnya boleh membunuh jiwa dan manusia itu sendiri.

Allah sememangnya sukakan keindahan dan secara keseluruhannya keindahan itu adalah merujuk kepada rasa yang menggembirakan, memuaskan, menyenangkan, menenangkan dan menginsafkan.

Dalam Islam, seni dan keindahan itu bukanlah bermatlamatkan kepentingan individu, tetapi yang lebih dipentingkan adalah masyarakat. Islam juga telah menggariskan kesenian dan keindahan dalamannya selari dengan naluri dan fitrah kejadian manusia. Sewajarnya manusia mengemudi seni mengikut fitrah yang sedia ada berbekalkan sempadan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Islam demi mencapai kesejahteraan jiwa, dan juga mendapatkan keredaan Allah di dunia dan juga di akhirat.

Keghairahan dalam menandingi seni Barat seharusnya dikawal. Percubaan-percubaan ini sebenarnya amat menakutkan banyak pihak, ini kerana ramai seniman mencuba sesuatu yang baru tetapi apa yang dicuba itu sebenarnya

lebih banyak mengundang keburukan. Setiap perkembangan dan perubahan seharusnya tidak meninggalkan perkara asas, sumber dan ciri-ciri utamanya.

Setelah mengenali dan memahami sumber-sumber yang sepatutnya menjadi panduan dan pegangan para karyawan Islam yang menghasilkan sesuatu hasil ciptaan mereka, pengkaji ingin melihat siapa pula karyawan itu khususnya yang menjadi tumpuan kajian ini dan melihat hasil ukiran mereka serta falsafah yang terpancar di dalamnya.